A

ONLY ONE FOOT REFLEXOLOGY SDN BHD lwn. MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
HASHIM HAMZAH H
[GUAMAN SIVIL NO: 21NCVC-154-12-2011]
B 22 DISEMBER 2014

PROSEDUR SIVIL: *Tuntutan – Deklarasi – Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 15 k. 16 – Tuntutan untuk deklarasi bahawa pengeluaran kompaun adalah salah dan tidak teratur – Sama ada pengeluaran kompaun satu salahguna kuasa*
C *menurut Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Perniagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007 – Sama ada plaintif melanggar syarat-syarat lesen yang dikeluarkan oleh defendan untuk menjalankan perniagaan – Pemeriksaan dan serbuan dilakukan tanpa kuasa bertulis seperti dikehendaki oleh Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Perniagaan Kesihatan (Majlis*
D *Bandaraya Shah Alam) 2007 – Sama ada defendan bertanggungan ke atas kerugian yang dialami oleh plaintif*

KERAJAAN TEMPATAN: *Pengeluaran kompaun – Pengeluaran kompaun di atas dakwaan bahawa plaintif melanggar syarat-syarat lesen menjalankan perniagaan – Sama ada salah dan tidak teratur – Sama ada satu salahguna kuasa*
E *menurut Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Perniagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007 – Pemeriksaan dan serbuan dilakukan tanpa kuasa bertulis seperti dikehendaki oleh Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Perniagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007 – Sama ada defendan bertanggungan ke atas kerugian yang dialami oleh plaintif*

F Pihak defendan telah pada 12 Mac 2009 meluluskan permohonan lesen oleh plaintif untuk menjalankan perniagaan pusat perniagaan kesihatan iaitu refleksologi dan aromaterapi. Pada 25 April 2011, satu pasukan penguatkuasa Majlis Bandaraya Shah Alam ('MBSA') yang diketuai SD4 telah membuat pemeriksaan ke atas premis perniagaan plaintif dan
G mendapati pihak plaintif telah menjalankan perniagaan dan melanggar syarat-syarat lesen. SD4 turut menyita 12 unit tilam di dalam operasi tersebut dan mengeluarkan notis kompaun kepada plaintif. Oleh itu, plaintif menuntut daripada defendan, antara lainnya, suatu deklarasi menurut A. 15 k. 16 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KKMT') bahawa pengeluaran
H kompaun bagi kesalahan membenarkan rawatan yang tidak dinyatakan dalam lesen adalah salah, tidak teratur serta suatu penyalahgunaan kuasa menurut Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Perniagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007. Plaintif juga berhujah bahawa penyitaan 12 tilam serta penahanan pekerja plaintif mengakibatkan plaintif tidak dapat
I meneruskan perniagaan plaintif dan mengalami kerugian. Justeru, plaintif menuntut daripada pihak defendan ganti rugi khas dan am. Sebaliknya, defendan menyatakan bahawa pemeriksaan ke atas premis plaintif adalah disebabkan oleh aduan daripada orang awam berkaitan tukang urut wanita

mengurut pelanggan lelaki. Defendan juga menyatakan bahawa plaintif telah melanggar syarat lesen dan selanjutnya 12 tilam yang didapati dalam premis plaintif yang semunasabahnya dipercayai digunakan bagi tujuan kegiatan tersebut turut dirampas. Isu-isu yang dibicarakan dalam kes ini adalah: (i) sama ada plaintif telah melanggar syarat-syarat lesen yang dikeluarkan oleh defendan dan melakukan kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil 13(k), Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007; (ii) sama ada plaintif berhak mendapat satu perintah deklarasi menurut A. 15 k. 16 KKMT bahawa pengeluaran kompaun adalah salah; dan (iii) sama ada plaintif berhak mendapat ganti rugi khas dan ganti rugi am.

Diputuskan (membenarkan tuntutan plaintif dengan kos):

(1) Jika diteliti kelulusan lesen perniagaan yang dipohon oleh plaintif, tiada di mana-mana dicatatkan bahawa jenis perniagaan plaintif yang diluluskan adalah untuk refleksologi dan aromaterapi. Tiada di dalam mana-mana syarat yang melarang pekerja wanita mengurut pelanggan lelaki atau sebaliknya melainkan peruntukan Undang-Undang Kecil 13(o) Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007. (perenggan 11)

(2) Kuasa untuk memasuki dan membuat pemeriksaan ke atas sesuatu premis yang menjalankan aktiviti pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan diberikan kepada 'licensing authority'. Di bawah Undang-Undang Kecil 2 Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007 tafsiran 'licensing authority' adalah, "means the Mayor or Mayor or Secretary of a local authority or any officer authorised in writing by the Mayor or Mayor thereof". SD4 yang berjawatan Ketua Bahagian Penguatkuasaan MBSA yang mengetuai serbuan dan pemeriksaan ke atas premis plaintif dan mengeluarkan notis kompaun atas kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007 bukanlah seorang 'Mayor' ataupun 'Secretary of a local authority'. Tiada keterangan dikemukakan ke mahkamah tentang kuasa SD4 membuat serbuan dan pemeriksaan ke atas premis pusat kesihatan atau penjagaan kesihatan. Adalah nyata bahawa serbuan yang dijalankan oleh SD4 ke atas premis plaintif tidak menurut peruntukan Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007. (perenggan 13)

(3) Pemeriksaan dan serbuan yang dilakukan oleh defendan melalui SD4 tidak mempunyai kuasa bertulis sepertimana dikehendaki oleh Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007. Memandangkan hal yang sedemikian, pihak defendan adalah bertanggungan ke atas apa-apa kerugian yang dialami oleh pihak plaintif kerana serbuan tersebut dibuat secara salah. Pihak plaintif berjaya membuktikan kes terhadap defendan. (perenggan 15 & 16)

Perundangan yang dirujuk:
Rules of the High Court 1980, O. 15 r. 16

Bagi pihak plaintif - R Kengadharan; T/n R Kengadharan & Co
Bagi pihak defendan - Azmer Md Saad; T/n Lainah Yaacob & Zulkepli

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Hashim Hamzah H:

Pengenalan

[1] Plaintif adalah sebuah Syarikat Sendirian Berhad yang telah diperbadankan di Malaysia menurut Akta Syarikat 1965 yang mempunyai alamat berdaftarnya di Block B-3A-1 (Level 6), Menara Uncang Emas (UE3), 85 Jalan Loke Yew, 52200 Kuala Lumpur dan alamat perniagaannya di No. 10A (1st Floor), Jalan Anggerik Vanilla 31/93, Kota Kemuning, 40460 Shah Alam, Selangor. Defendan pula adalah sebuah Majlis Perbandaran seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan mempunyai alamat penyampaiannya di Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Latar Belakang Kes

[2] Di atas permohonan pihak plaintif, defendan telah pada 12 Mac 2009 meluluskan permohonan lesen oleh plaintif untuk menjalankan perniagaan pusat perniagaan kesihatan iaitu refleksologi dan aromaterapi. Antara syarat yang dikenakan oleh pihak defendan ke atas plaintif adalah seperti berikut:

Syarat-syarat yang perlu dipatuhi

(a) Semua bilik/ruang yang digunakan untuk aktiviti pusat kesihatan seperti kafeteria, tandas, bilik persalinan, bilik mandi, *spa-pool*, bilik senaman, bilik mengurut, tempat membasuh tangan dan di kawasan basah hendaklah mempunyai lantai dan dinding yang disudahi jubin seramik yang sempurna berwarna ringan atau bahan yang sama jenisnya.

(b) Peraturan khas untuk bilik urut:

(i) reka bentuk bilik urut hendaklah mengikut konsep terbuka.

(ii) bilik tersebut tidak boleh digunakan secara perseorangan.

(iii) bilik tersebut tidak dibenarkan mempunyai sebarang sekatan seperti dinding, langsir, skrin, cermin, *venetian blind* dan sebagainya.

(iv) tidak boleh menggunakan katil tilam, hanya boleh menggunakan 'bench' khas untuk 'therapy' pengurutan yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Bandar, MBSA.

(v) bilangan 'bench therapy' tersebut bergantung kepada ruang berukuran 60 kaki persegi (10 kaki x 6 kaki) setiap unit.

(vi) bilik tersebut mestilah mempunyai lampu yang cukup terang.

(vii) tiap-tiap pekerja hendaklah mempunyai sijil kemahiran yang dikeluarkan oleh persatuan atau agensi yang diiktirafkan oleh Jabatan Perkhidmatan Bandar.

(viii) semua pekerja-pekerja di pusat terapi dan senaman hendaklah memakai tanda nama (tag nama).

(ix) waktu perniagaan yang dibenarkan ialah daripada 10 pagi hingga 12 tengah malam.

(c) Mempamerkan dengan jelas segala peraturan-peraturan yang ditentukan untuk dipatuhi oleh pekerja dan pengguna termasuk:

(i) dilarang meminum arak.

(ii) dilarang menghisap rokok.

(iii) dilarang bermain judi.

(iv) dilarang melakukan sebarang aktiviti atau tindakan yang ganas, lucah, serta perkara yang memalukan.

(v) semua pekerja hendaklah memakai pakaian yang bersih dan sopan.

(vi) waktu perniagaan yang dibenarkan ialah 10 pagi hingga 12 tengah malam.

(vii) mengadakan pemadam api yang sempurna dan mencukupi yang diluluskan oleh pihak bomba serta kemudahan telefon di premis.

(viii) premis hendaklah mempunyai pusat pembuangan sampah dan tong sampah bertudung yang sempurna dan mencukupi serta berkeadaan bersih dan baik.

(ix) perlu mengemukakan permohonan lesen iklan dengan mematuhi syarat lulus papan iklan di mana aktiviti syarikat hendaklah lebih besar dari nama syarikat dan dalam Bahasa Malaysia.

[3] Pada 25 April 2011 satu pasukan penguatkuasa MBSA yang diketuai oleh Ketua Bahagian Penguatkuasa MBSA, En Abdul Hakim bin Hj Mahmud (SD4) telah membuat pemeriksaan ke atas premis perniagaan plaintif dan mendapati pihak plaintif telah menjalankan perniagaan dan melanggar syarat-syarat lesen. SD4 turut menyita 12 unit tilam di dalam operasi tersebut. Dua notis kompaun kedua-duanya bertarikh 25 April 2011 dengan nombor siri 20110407800017 dan 20110407800016 telah dikeluarkan kepada plaintif. Kompaun-kompaun tersebut adalah:

(a) Kompaun No: 20110407800016 berkaitan kesalahan mempamerkan iklan (Pusat Refleksologi dan Aromatherapi) tanpa lesen daripada pihak berkuasa melesen; dan

(b) Kompaun No: 20110407800017 berkaitan kesalahan membenarkan rawatan yang tidak dinyatakan di dalam lesen.

[4] Plaintif telah menjelaskan bayaran Kompaun No. 20110407800016 tetapi tidak menjelaskan Kompaun No. 20110407800017.

Kes Plaintif

[5] Plaintif menuntut daripada defendan antara lainnya suatu deklarasi menurut A. 15 k. 16 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 bahawa pengeluaran Kompaun No: 20110407800017 bertarikh 25 April 2011 oleh defendan kepada plaintif adalah salah, tidak teratur serta suatu penyalahgunaan kuasa menurut Undang-Undang-Kecil Pusat Kecantikan Dan Perniagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007. Penyitaan 12 tilam serta penahanan pekerja plaintif mengakibatkan plaintif tidak dapat meneruskan perniagaan plaintif dan mengalami kerugian. Plaintif menuntut daripada pihak defendan ganti rugi khas dan am yang akan ditaksirkan.

Kes Defendan

[6] Defendan menyatakan bahawa pemeriksaan ke atas premis plaintif disebabkan aduan daripada orang awam berkaitan tukang urut wanita mengurut pelanggan lelaki. Defendan juga menyatakan bahawa plaintif telah melanggar syarat lesen dan selanjutnya 12 tilam yang didapati di dalam premis plaintif yang semunasabahnya dipercayai digunakan bagi tujuan kegiatan tersebut turut dirampas. Beberapa pekerja wanita plaintif dari warga China dan Myanmar turut ditahan dan dirujuk ke Imigresen.

Isu-Isu Untuk Dibicarakan

[7] Berdasarkan kepada fakta di atas, pihak-pihak setuju berikut sebagai isu-isu untuk dibicarakan:

(a) Sama ada plaintif telah melanggar syarat-syarat lesen yang dikeluarkan oleh defendan dan melakukan kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil 13(k), Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007;

(b) Sama ada plaintif berhak mendapat satu perintah deklarasi menurut A. 15 k. 16 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 bahawa pengeluaran Kompaun No. 20110407800017 bertarikh 25 April 2011 adalah salah serta penyalahgunaan kuasa menurut Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007;

(c) Sama ada plaintif berhak mendapat ganti rugi khas; dan

(d) Sama ada plaintif berhak mendapat ganti rugi am.

Keterangan Di Mahkamah

[8] Lee Choi Yun (SP1) di dalam keterangannya di PS-SP1 menyatakan bahawa penyitaan 12 tilam kepunyaan plaintif di dalam premis perniagaannya mengakibatkan perniagaannya ditutup daripada 25 April 2011 hingga 4 Mei 2011 dan seterusnya plaintif mengalami kerugian dalam lingkungan RM1,000 ke RM1,500 sehari tidak termasuk reputasi perniagaan beliau. SP1 juga menyatakan bahawa kedua-dua kompaun yang dikenakan ke atas plaintif adalah salah kerana tidak menyatakan secara khusus kesalahan yang dilakukan oleh plaintif. Malah menurut plaintif lagi tiada di dalam mana-mana syarat lesen yang diluluskan ke atas syarikat beliau menyatakan khusus larangan tukang urut wanita mengurut pelanggan lelaki atau sebaliknya.

[9] Saksi utama defendan pula, Encik Abdul Hakim bin Hj Mahmud (SD4) selaku Ketua Bahagian Penguatkuasaan MBSA telah mengetuai serbuan dan pemeriksaan ke atas premis plaintif tersebut menyatakan bahawa serbuan tersebut dilakukan akibat daripada terdapatnya aduan awam bahawa ada aktiviti urutan badan oleh tukang urut wanita ke atas pelanggan lelaki. Sebelum serbuan dan pemeriksaan dilakukan ke atas premis plaintif, beliau telah memberikan taklimat operasi kepada anggota penguatkuasa yang akan terlibat di dalam serbuan tersebut. Beliau juga seterusnya telah mengarahkan Vijay a/l Kondiah (SD2), pembantu penguatkuasa untuk menyamar sebagai orang awam untuk mendapatkan perkhidmatan urutan. SD2 telah ke premis perniagaan plaintif dan apabila beliau mendapati aduan tersebut berasas, beliau telah menghantar teks pesanan ringkas (SMS) kepada anggota serbuan yang sedang menunggu berdekatan. Hasil pemeriksaan tersebut pihak defendan telah menahan dan membawa balik empat wanita warga China dan tiga wanita warga Myanmar ke Wisma MBSA dan seterusnya membuat semakan dengan Jabatan Imigresen. Jabatan Imigresen kemudiannya mengesahkan bahawa permit mereka semua adalah sah.

[10] Pihak defendan berhujah bahawa plaintif telah menjalankan aktiviti perniagaan urutan yang tidak dibenarkan terutamanya jenis dan aktiviti urutan badan yang dilakukan oleh plaintif di mana pekerja wanita mengurut pelanggan lelaki dan menjalankan urutan 'Thai massage' yang melanggar syarat lesen perniagaan. Hujah peguam defendan lagi, syarat lesen perniagaan juga menunjukkan bahawa jenis perniagaan urutan yang dipohon dan diluluskan adalah refleksologi dan aromaterapi sahaja.

[11] Penelitian mahkamah mendapati bahawa:

(i) jika diteliti kelulusan lesen perniagaan yang dipohon oleh pihak plaintif, tiada di mana-mana dicatatkan bahawa jenis perniagaan plaintif yang diluluskan adalah untuk refleksologi dan aromaterapi (lihat ikatan dokumen B ms. 11 hingga 13). la hanya terdapat di dalam borang permohonan lesen oleh pihak plaintif (rujuk ms. 3 ikatan dokumen C).

(ii) tiada di dalam mana-mana syarat di ms. 12 ikatan dokumen B yang melarang pekerja wanita mengurut pelanggan lelaki atau sebaliknya melainkan peruntukan Undang-Undang Kecil 13(o) Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007 yang memperuntukkan bahawa:

> No licensee shall allow any masseurs massage female client or masseuses massage male client ...

[12] Berdasarkan penelitian mahkamah di perenggan 11 di atas, 'part V' di bawah tajuk 'penguatkuasaan' di bawah Undang-Undang Kecil 28, Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007 memperuntukkan kuasa untuk memasuki dan membuat pemeriksaan ke atas sesuatu premis yang menjalankan aktiviti pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan. Peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

> 28 (1) The Licensing Authority or any police officer not below the rank of an Inspector may at all reasonable time, without warrant for the purpose of ascertaining whether the conditions or restriction of a license or the provision of this By-Laws are being complied with:
>
> (a) Enter any beauty or health care centre; and
>
> (b) Carry out any power of inspection at such place beauty or health care centre.
>
> (2) ...
>
> (3) ...
>
> (4) ...

[13] Kuasa yang diberikan adalah kepada 'licensing authority'. Di bawah Undang-Undang Kecil 2 Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007 tafsiran 'licensing authority' adalah, "means the Mayor or Mayor or Secretary of a local authority or any officer authorised in writing by the Mayor or Mayor thereof". SD4 yang berjawatan Ketua Bahagian Penguatkuasaan MBSA yang mengetuai serbuan dan pemeriksaan ke premis plaintif dan mengeluarkan notis kompaun atas kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007 bukanlah seorang 'Mayor' ataupun 'Secretary of a local authority'. Oleh itu, kuasa SD4 yang berjawatan Ketua Bahagian Penguatkuasaan MBSA jatuh di bawah kategori pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Mayor. Di dalam perbicaraan ini, tiada keterangan dikemukakan ke mahkamah tentang kuasa SD4 membuat serbuan dan pemeriksaan ke atas premis pusat kesihatan atau penjagaan kesihatan. Memandangkan bahawa tiada keterangan berkenaan kuasa SD4 membuat pemeriksaan dan serbuan tersebut, adalah nyata bahawa serbuan yang dijalankan oleh SD4 ke atas premis plaintif adalah nyata tidak menurut peruntukan Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007.

[14] Isu seterusnya adalah berkaitan ganti rugi. Akibat daripada pemeriksaan dan serbuan ke premis plaintif yang tidak menurut kehendak undang-undang itu adakah membolehkan pihak plaintif mendapat ganti rugi. Terdapat dua peruntukan di dalam Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007 yang berkaitan dengan liabiliti Majlis berkaitan ganti rugi atau kos. Peruntukan undang-undang kecil tersebut adalah Undang-Undang Kecil 35 dan Undang-Undang Kecil 38 yang masing-masing memperuntukkan bahawa:

> 35. No person shall be in any proceedings before any court in respect of any thing seized in the exercise of any power conferred under this By-Laws be entitled to the cost of such proceedings or to any damages or other relief unless such seizure was made without reasonable cause.
>
> 38. The Council or any authorised officer enforcing any of this By-Laws shall not be liable for any damage or any loss resulting from the said enforcement.

[15] Berkaitan isu ini adalah jelas sepertimana dinyatakan di atas bahawa pemeriksaan dan serbuan yang dilakukan oleh pihak defendan melalui SD4 tidak mempunyai kuasa bertulis sepertimana dikehendaki oleh Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007. Memandangkan hal yang sedemikian pihak defendan adalah bertanggungan ke atas apa-apa kerugian yang dialami oleh pihak plaintif kerana serbuan tersebut dibuat secara salah.

Kesimpulan

[16] Berdasarkan fakta yang dinyatakan di atas, atas imbangan kebarangkalian, mahkamah mendapati bahawa pihak plaintif berjaya membuktikan kes terhadap defendan. Mahkamah membenarkan tuntutan plaintif terhadap defendan dengan kos. Ganti rugi am dan khas hendaklah ditaksirkan di hadapan Penolong Kanan Pendaftar. Kos ditetapkan RM20,000.